



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
26 JANUARI 2018 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--|----|
| - Pastikan tiada lagi insiden buruk | 22 |
| - Projek Suke, Dash siap penghujung 2019 | 22 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
26 JANUARI 2018 (JUMAAT)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Pastikan tiada lagi insiden buruk
Muka Surat	22

Pastikan tiada lagi insiden buruk

SH MIS 22
26/1/2018

MPAJ arah pemaju Suke titik berat faktor keselamatan

PANDAN INDAH - Majlis Perbandaran Ampang Jaya mengarahkan pemaju projek Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Hulu Kelang (Suke) untuk meningkatkan Standard Operating Procedure (SOP) dengan menitikberatkan faktor keselamatan semasa kerja sedang dilaksanakan.

Pengarah Kejuruteraan MPAJ, Ir Zafrul Fazry Mohd Fauzi berkata, ia bagi mengelakkan kejadian bongkah batu jatuh di tanah lapang berhampiran jajaran Suke berhadapan Jalan Saga 28, Taman Saga, Ampang, Selasa lalu berulang.


"Pemeriksaan yang dilakukan di lokasi kejadian mendapat terdapat bongkah batu berukuran 1x1x1 meter jatuh semasa aktiviti dilaksanakan jentera membina laluan masuk pembinaan lebuh raya Suke.

"Bongkah ini jatuh ke kaki cerun yang berlumpur menyebabkan percikan air lumpur terkena 10 buah rumah yang terletak dalam jarak kira-kira 80 meter dari cerun.

Menurutnya, pasukan tindakan kecemasan Suke serta merta melakukan kerja-kerja pembersihan lumpur di kediaman penduduk.

"Suke menghentikan kerja serta merta sehingga laporan kejadian dikemukakan dan tindakan pengegahan diambil untuk tujuan keselamatan.

"Suke juga diarahkan untuk mengawal air larian semula jadi bagi



Lokasi dipercayai bongkah batu jatuh berhadapan Taman Saga, Selasa lalu.

mengelakkan kawasan kaki cerun tersebut menjadi lembik dan berlumpur" katanya.

Dalam pada itu, Zafrul berkata, pihaknya turut menerima laporan kejadian banjir lumpur di sebuah pangaspuri di sini, pada hari sama.

"Pemeriksaan mendapat ter-

dapat tebing tanah yang dibina di tepi jajaran laluan tanah oleh pihak Suke dipercayai pecah, ia terletak di bahagian paling atas bulit.


"Kerosakan bun tebing tanah ini disebabkan oleh larian air permukaan dari jalan tanah yg dibina sebagai laluan pembinaan," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
26 JANUARI 2018 (JUMAAT)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Projek Suke, Dash siap penghujung 2019
Muka Surat	22



Faizal (dua, kanan) melawat tapak projek Suke di Alam Damai.

Projek Suke, Dash siap penghujung 2019

AMPANG – Pembinaan dua projek mega membatikkan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Klang (Suke) dan Lebuhraya Damansara-Shah Alam (Dash) berjalan lancar mengikut jadual dan dijangka beroperasi menjelang 2020.

Ketua Pegawai Eksekutif Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (Prolintas), Datuk Mohammad Azlan Abdullah berkata, kedua-dua projek itu sudah mencapai tahap kemajuan pembinaan masing-masing sebanyak 27.38 peratus dan 20 peratus.

"Kos pembinaan Suke dianggarkan bernilai RM4.63 bilion manakala Dash sebanyak RM4.17 bilion dan sekarang kerja memasang cerucuk ser-

ta rangka giat dilaksanakan," katanya.

Kedua-dua lebuhraya ini dijangka siap pada pada 25 Disember tahun depan. Suke dapat memendekkan masa perjalanan selama 25 minit berbanding tempoh 75 minit menggunakan lebuhraya sejauh ada manakala Dash pula hanya 17 minit berbanding 60 minit," katanya.

Beliau berkata, projek Suke dan Dash menyaksikan pembinaan laluan sepanjang 24.4 dan 20.1 kilometer dengan menghubungkan beberapa kawasan bandar utama di sekitar Lembah Klang termasuk akses kepada lebuhraya antaranya Lebuhraya Lingkaran Tengah Dua

(MRR2), Lebuhraya Dutu Ulu Kelang dan Lebuhraya Damansara Puchong (LDP).

"Kami berharap ia dapat mengurangkan kesesakan di lebuhraya sedia ada khususnya di MRR2, projek ini dapat menjadi pemangkin ke arah meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi masyarakat," katanya ketika berucap dalam sesi taldimat media berhubung projek tersebut di sini, semalam.

Dalam perkembangan berasingan, Prolintas memberi masa seminggu kepada kontraktor untuk memastikan kawasan berhampiran Taman Bukit Saga selamat sebelum menyambung semula pembinaan Suke.